

KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Ucapan: 10/03/2018

**Majlis Pelancaran Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) Desa Parkcity,
Sofiya Residensi, Kuala Lumpur**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Pagi

Yang Berbahagia Datuk Seri Adnan Bin Haji Md Ikhsan

Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan

Yang Berbahagia Datuk Seri Ahmad Husni bin Hussain

Ketua Pengarah, Unit Kerjasama Awam Swasta

Jabatan Perdana Menteri

Yang Berbahagia Datuk Seri Mohd. Zuki bin Ali

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan

Jabatan Perdana Menteri

Yang Berbahagia Datuk Hj Mohd Najib Bin Hj Mohd

Pengarah Eksekutif

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

*Yang Berbahagia Dato' Syed Mohamed Koyakutty
Pengarah Kanan, Unit Kerjasama Awam Swasta*

Jabatan Perdana Menteri

Yang Berusaha Tuan Haji Ismail Che Hassan

Ketua Unit, PPA1M

Jabatan Perdana Malaysia

Yang Dihormati Datuk Seri Yaw Chee Siew

Pengerusi Eksekutif Kumpulan

Desa Parkcity

Yang Dihormati Datuk Joseph Lau

Ketua Eksekutif Kumpulan

Desa Parkcity

Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Agensi Kerajaan

Dato'-Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Ucapan Aluan

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Pelancaran Projek PPA1M Sofiya Residensi, Desa Parkcity, Kuala Lumpur ini.

Ucapan Tahniah Kepada Penjawat Awam yang Berjaya ditawarkan Projek Sofiya Residensi

Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada bakal pemilik rumah di Sofiya Residensi, Desa Parkcity. Sebanyak 1,442 permohonan telah diterima untuk 752 unit rumah. Permintaan yang tinggi bagi projek ini secara tidak langsung menunjukkan keyakinan dan kepercayaan Penjawat Awam terhadap Skim PPA1M ini secara keseluruhannya.

Ucapan Tahniah Kepada Pemaju

Saya difahamkan juga projek ini adalah projek PPA1M yang ke-dua bagi Perdana ParkCity Sdn Bhd. Tahniah kepada pemaju kerana telah terpilih untuk menjayakan projek ini dan untuk terus menyokong usaha Kerajaan bagi menyediakan rumah mampu milik bagi Penjawat Awam.

Para hadirin sekalian,

Perihal PPA1M Seluruh Malaysia & Sofiya Residensi, Desa Parkcity, Kuala Lumpur

Secara keseluruhan, Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia sedang giat dilaksanakan dan untuk makluman, bilangan unit PPA1M yang telah diluluskan oleh Kerajaan sehingga Mac 2018 adalah sebanyak 140,175 unit. Di mana hampir 7000 unit telah siap dibina dan diduduki oleh para penjawat awam. Sebanyak 30,000 unit lagi berada dalam fasa pembinaan dan selebihnya berada dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan 22 buah projek PPA1M melibatkan 17,191 unit rumah. Saya percaya lebih banyak lagi projek PPA1M akan diluluskan untuk dimajukan di Kuala Lumpur berdasarkan permintaan yang tinggi dikalangan Penjawat Awam.

Para hadirin sekalian,

PPA1M Sofiya Residensi ini melibatkan pembinaan sejumlah 752 unit rumah Apartment berkeluasan 862 kaki persegi dengan harga yang ditawarkan adalah RM300,000. Saya juga dimaklumkan harga tersebut adalah sekitar 40% lebih rendah daripada harga pasaran terbuka. (NOTA: Dimaklumkan oleh JPPH bahawa harga pasaran bagi unit yang serupa adalah sebanyak RM485,000). Ia merupakan harga istimewa yang ditawarkan kepada Penjawat Awam sahaja setelah ditolak diskaun yang diberikan oleh Pemaju dan juga ditolak subsidi daripada Kerajaan. Untuk makluman, pihak Kerajaan memberi subsidi sebanyak RM30,000 hingga RM60,000 seunit bagi Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M).

Dengan harga yang ditawarkan lebih rendah daripada harga pasaran dan jenis rumah Apartment serta lokasi yang strategik di dalam kawasan pembangunan yang terancang, saya sifatkan pembeli yang berjaya memiliki rumah PPA1M Sofiya Residensi ini sebagai golongan yang sangat bertuah dan bijak kerana melabur di dalam skim PPA1M.

Harapan Kerajaan

Melalui pelaksanaan projek-projek PPA1M ini, warga Penjawat Awam perlu menghargai inisiatif Kerajaan untuk membantu pemilikan rumah mampu milik. Saya juga mengambil maklum akan beberapa aduan yang telah saya terima mengenai kualiti pembinaan beberapa projek PPA1M. Di sini ingin saya tegaskan bahawa pihak Kerajaan memandang serius perkara ini.

Sebagai langkah mengatasi isu ini dan meningkatkan kualiti pembinaan PPA1M, saya telah mengarahkan supaya semua projek PPA1M yang dilaksanakan menggunakan QLASSIC yang dibangunkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB). Dengan menggunakan kaedah QLASSIC ini, para kontraktor dan pemaju perlu mencapai skor minimum 75% untuk semua projek yang dilaksanakan. Oleh itu, saya menyeru agar pihak Pemaju untuk memberi komitmen tinggi bagi menjayakan hasrat Kerajaan ini dengan menyediakan rumah yang berkualiti dan selesa dengan memenuhi spesifikasi skim PPA1M yang telah ditetapkan serta disiapkan mengikut jadual.

Para hadirin sekalian,

Penutup

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat menjayakan majlis ini.

Dan, dengan lafaz Bismillah hirrahman nirrahim, saya menyempurnakan Majlis Pelancaran Projek PPA1M Sofiya Residensi, Desa Parkcity, Kuala Lumpur ini.

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

©2017 Hakcipta Terpelihara Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my//newsroom/content/speech/19231/Majlis-Pelancaran-Projek-Perumahan-Penjawat-Awam-1Malaysia-PPA1M-Desa-Parkcity-Sofiya-Residensi-Kuala-Lumpur>